

Melayu digesa bekerja lebih keras untuk berjaya

UM 2 4 JUN 2001

KUALA LUMPUR 23 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu supaya jangan memilih jalan pintas untuk berjaya kerana kejayaan itu hanya boleh diperolehi dengan disiplin diri yang tinggi dan rajin berusaha.

Menurut Presiden UMNO, untuk mendapatkan sesuatu, mereka perlu berusaha lebih keras tetapi jika gagal, cuba lagi secara berulang kali sehingga berjaya.

Orang Melayu sebenarnya mempunyai potensi sama seperti kaum lain, katanya ketika menyampaikan ucapan penggulungan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau memberi contoh bagaimana syarikat minyak kebangsaan, Petronas, yang diterajui oleh orang Melayu, kini berjaya menawarkan khidmat melangkaui 25 buah negara serta diiktiraf setanding dengan syarikat-syarikat minyak dunia lain.

Menurut Dr. Mahathir, orang Melayu terutama pelajar lelaki sebenarnya mempunyai kebolehan yang sama seperti pelajar wanita dan kaum-kaum lain terutama Cina.

Apa yang membezakan dan menyebabkan mereka ketinggalan adalah kerana mereka tidak berusaha secukupnya.

Beliau turut menolak sebarang alasan yang mengaitkan jumlah pelajar lelaki Melayu yang cuma 20 peratus berbanding 80 peratus pelajar wanita di institusi pengajian tinggi tempatan.

“Kita tidak percaya penuntut lelaki begitu bodoh, cuma satu perempat daripada kecergasan pelajar wanita.

“Penuntut lelaki mempunyai kelulusan rendah sebab mereka tidak belajar. Kadang-kadang kita malas sikit nak belajar tetapi jika kita buat berulang-ulang kali, kita akan jadi cekap,” katanya.

Pencapaian Petronas, katanya, terutama dalam industri cari gali di Sudan begitu menakjubkan apabila berjaya mengeluarkan 200,000 tong sehari berbanding 10,000 yang dijangka oleh ‘orang putih’.

“Tidak ada jalan mudah untuk mendapat sesuatu. Kita mesti berusaha bersungguh-sungguh, bertubi-tubi. (Bila) Jatuh, kita bangun lagi, kita bangun lagi. Insya-Allah, kita akan berdiri tinggi di kalangan bangsa-bangsa lain,” katanya.

Ucapan motivasi yang antaranya menyentuh mengenai keupayaan dan pencapaian orang Melayu itu disifatkan sebagai amat terbuka, ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Tegas Dr. Mahathir, beliau mahu orang Melayu mengenali kelemahan diri dengan ‘membuat resolusi’ bukan untuk kerajaan laksanakan, tetapi untuk dilaksanakan oleh diri sendiri.

“Tetapi, janganlah buat seminar macam ‘Perhimpunan Takkan Melayu Hilang Di Dunia’. Apa gunanya Melayu tak hilang, yang tidak hilang mesti menjadi tuan kepada diri sendiri,” katanya.

Kuasai IT

Dr. Mahathir turut mengingatkan betapa pentingnya ilmu Teknologi Maklumat (IT) dikuasai oleh pelajar Melayu.

“IT ini mesti dikuasai oleh kita. Bukannya susah, bukan nak ambil cangkul, nak buat apa. Cuma picit dengan jari (komputer), ini sahaja. Tidak boleh ke?” katanya.

Mengenai kuota 55 peratus pelajar bumiputera di universiti, beliau berkata, kerajaan tidak ada halangan untuk meningkatkan lagi kuota tersebut.

“Tetapi masalahnya pencapaian pelajar Melayu tidak mencapai tahap itupun malah kita terpaksa menurunkannya pula pada paras terendah,” katanya.

Sementara itu pada sidang akhbar di hari terakhir perhimpunan, Dr. Mahathir berkata, orang Melayu kini mengalami perubahan kerana sedar cabaran lebih besar akan dihadapi pada masa depan.

“Kalau kita lihat reaksi mereka, didapati mereka memberi sambutan luar biasa, saya percaya ia tulen,” jelasnya.